

16/09/1998

KGMMB arah guru patuhi perintah am

Fuad Razali; Mona Ahmad; Ismail Muhamad
KUALA LUMPUR, Selasa - Kesatuan guru seluruh negara akur dengan arahan Kementerian Pendidikan yang melarang guru terbabit dalam reformasi politik pihak tertentu.

Mereka berpendapat langkah itu sejajar dengan profesion guru yang tidak seharusnya membabitkan diri dalam mana-mana gerakan bertentangan dengan dasar kerajaan.

Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Abdul Rahman Daud, berkata ahlinya sudah diingatkan supaya tidak masuk campur dalam masalah politik yang berlaku di negara ini sekarang.

"Ini kerana guru kerajaan tertakluk kepada Perintah Am Kerajaan, terutama guru kumpulan A.

"Mengikut perintah itu, guru dari kumpulan A tidak boleh langsung campur tangan dalam mana-mana aktiviti politik, manakala guru kumpulan B perlu meminta kebenaran terlebih dahulu sebelum mengikuti apa-apa aktiviti politik," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap guru yang didapati terbabit dalam gerakan reformasi politik pihak tertentu.

Najib berkata, guru harus mematuhi garis panduan perkhidmatan am tanpa perlu diingatkan sepanjang masa.

Menurut Abdul Rahman, masalah politik harus diselesaikan ahli politik dan guru tidak boleh campur tangan.

"Perkara penting bagi guru ialah memberi perhatian kepada pendidikan dan pelajar di sekolah," katanya.

Kesatuan terbabit mempunyai 13,000 ahli di seluruh Semenanjung Malaysia.

Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lulusan Maktab Semenanjung Malaysia (KKGLMSM), Muhammad Mustapha, berkata guru memang tidak sepatutnya menyertai sebarang bentuk gerakan yang mempunyai unsur menentang kerajaan.

Beliau yang juga Presiden Kongres Kesatuan Guru Dalam Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (Kongres) serta Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (MGB), turut mengingatkan semua gabungan kesatuan dan badan berkenaan supaya akur dengan arahan itu.

"Malah, semua guru dan guru besar sepatutnya berdiri teguh dengan memberi sokongan kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

DI KOTA BHARU, Persatuan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah (PKPSM) Kelantan juga akur dengan larangan itu.

Yang Dipertuanya, Wan Mat Tahir Wan Abdullah, berkata PKPSM negeri yang mewakili 115 sekolah menengah di negeri ini percaya ahli dan guru tidak terpengaruh dengan reformasi politik yang dicanang pihak tertentu.

"PKPSM Kelantan sentiasa mengingatkan ahli agar tidak mencampuri urusan politik kerana kita dari kumpulan profesional tidak boleh bergiat dalam politik mengikut Perintah Am.

"Saya fikir pengetua memahami arahan berkenaan dan begitu juga dapat memberi penerangan kepada guru agar tidak terbabit dalam reformasi politik seumpama itu," katanya.

Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Muhamad Abdul Rahman, pula berkata pihaknya percaya kakitangan dan guru memahami garis panduan yang tertakluk dalam Perintah Am.

Katanya, walaupun tidak ada arahan khusus dikeluarkan JPN berhubung

larangan itu, tidak ada laporan menunjukkan guru dan kakitangan terbabit dalam kegiatan itu.

"Saya tidak fikir guru dan warga pendidik di negeri ini turut terbabit dalam reformasi politik pihak tertentu kerana menyedari ia menyalahi etika Perintah Am.

"Dalam hal ini, saya percaya guru mempunyai kematangan dan melakukan tindakan yang bertentangan dengan arahan dan bidang tugas mereka di sekolah," katanya.

(END)